



Kepentingan Akidah dalam Epistemologi Islam

➤ **Muhammad Rashidi Wahab**
Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari
Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

Dalam Islam, ilmu pengetahuan diletakkan pada kedudukan yang tinggi. Imam al-Syafii dalam ungkapannya yang masyhur menyatakan bahawa, “Barang siapa yang menginginkan dunia, maka hendaklah dengan ilmu. Barang siapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu. Dan barang siapa yang menginginkan kedua-duanya (dunia dan akhirat), maka hendaklah juga dengan ilmu.” Oleh hal yang demikian, perbincangan tentang konsep ilmu pengetahuan atau dikenali sebagai epistemologi sangat penting untuk diketengahkan agar umat Islam sentiasa terarah untuk memperoleh ilmu yang benar dan bermanfaat, seterusnya dapat menghindarkan diri daripada anasir yang boleh merosakkan akidah dan pemikiran.

Istilah epistemologi diambil daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu *epistemology* yang bermaksud teori ilmu pengetahuan (*theory of knowledge*), terutamanya yang berkaitan dengan penelitian atau kajian kritis tentang kesahihan, kaedah dan skop sesuatu ilmu. Epistemologi juga didefinisikan sebagai satu daripada bahagian utama dalam falsafah yang membicarakan tentang hakikat, makna, kandungan, sumber dan proses sesuatu ilmu. Dalam bahasa Arab, epistemologi disebut *nazariyyah al-ma'rifah* yang bererti teori yang membincangkan tentang hakikat atau takrif, sumber, nilai kedudukan, proses dan skop sesuatu ilmu. Secara mudahnya, epistemologi boleh difahami sebagai perbincangan tentang teori atau konsep ilmu pengetahuan.

Dari aspek sejarah, sekalipun epistemologi merupakan disiplin ilmu baharu yang dikatakan bermula di Barat ketika zaman Renaissance, namun dari aspek perbincangan, epistemologi telah dimulakan lebih awal oleh para ulama Islam. Mengambil contoh al-Asy'ari (m. 330H/941M) selaku tokoh utama Ahli Sunah Waljamaah aliran Asya'irah, beliau telah menyebutkan secara jelas tiga sumber ilmu bagi mencapai kebenaran, iaitu *al-hissi*, *al-akhbar al-mutawatirah* dan *al-nazar*, yang kemudian dirumuskan sebagai dalil naqli dan aqli. Bukan itu sahaja, beliau bersama-sama para ulama silam yang lain seperti al-Baqillani (m. 403H), al-Baghdadi (m. 429H), al-Juwaini (m. 478H) dan al-Ghazali (m. 505H) turut memperincikan lagi perbincangan tentang

konsep ilmu pengetahuan dalam pelbagai dimensi.


Setelah itu, barulah muncul perbincangan epistemologi di Barat yang melahirkan beberapa aliran pemikiran disebabkan oleh perbezaan dalam pegangan mereka khususnya terhadap sumber ilmu. Terdapat empat mazhab atau aliran utama berkaitan dengan perkara ini, iaitu rasionalisme (*al-'aqliyyah*) yang merujuk aliran rasional akal, empirisisme (*al-tajribiyyah*) yang merujuk aliran pancaindera serta kajian saintifik, pragmatisme (*al-brajmathiyyah*) yang merujuk aliran natijah yang bermanfaat, dan intuisiisme (*al-hadathiyah*) yang merujuk aliran rohani atau batin. Terdapat juga aliran lain seperti kritisisme (*al-naqdiyyah*) yang mengkritik rasionalisme dan empirisisme dengan menggabungkan kedua-duanya.

Aliran tersebut terbentuk setelah Barat-Kristian berjaya membebaskan diri mereka daripada cengkaman gereja dengan menyetepikan Bible (menyetepikan wahyu) sebagai sumber ilmu. Situasi ini menyebabkan Barat terpaksa mencari alternatif lain sebagai pegangan hidup mereka, terutamanya daripada tamadun Greek, sehingga melahirkan pelbagai aliran tersebut secara terpisah. Dari sinilah terbentuknya sekularisme, iaitu program falsafah untuk membebaskan manusia daripada kongkongan keagamaan dan metafizik (Tuhan) yang mengatur kehidupan, dengan cara mengalihkan urusan ukhrawi kepada duniawi. Antara ciri utamanya termasuklah bersifat dualisme (dua perkara yang saling bertentangan) dan

dikotomi (dua perkara yang saling memisahkan).

Sedangkan umat Islam pula mengimani dan meyakini bahawa Allah SWT selaku Tuhan semesta alam, yang memberikan ilmu kepada manusia pertama, iaitu Nabi Adam a.s. serta para rasul-Nya yang lain, untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Dalam erti kata lain, Allah SWT merupakan punca segala ilmu pengetahuan. Oleh itu, sumber ilmu berupa wahyu (*al-akhbar al-mutawatirah*) merupakan kunci terbesar untuk memahami persoalan epistemologi. Umat Islam menjadikan al-Quran dan hadis sebagai rujukan tertinggi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Keadaan ini menjadikan para ulama Ahli Sunah Waljamaah dapat membincangkan elemen utama epistemologi Islam secara sistematik dan komprehensif, sekalipun pada waktu itu belum menjadi satu bentuk disiplin ilmu sebagaimana sekarang.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sesekali akan sesat selagi kamu berpegang teguh pada kedua-duanya, iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan sunah nabi-Nya." (Hadis riwayat Malik). Justeru, tujuan atau matlamat ilmu dalam Islam juga tidak terpisah daripada Allah SWT. Perkara ini jelas disebutkan dalam wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW yang mengajar manusia tentang hubungan antara ilmu (melalui ungkapan "bacalah") dengan Allah SWT. Oleh itu, ilmu dalam Islam bersifat suci dan luhur. Mengulas tentang hal tersebut, al-Ghazali menyatakan bahawa



sesiapa yang mencari ilmu kerana selain Allah SWT, ilmu itu tidak akan datang kepadanya. Ilmu yang benar hanya akan datang jika mereka mencarinya kerana Allah SWT semata-mata. Di sinilah pentingnya niat yang betul dalam tujuan menuntut ilmu agar manusia sentiasa terpelihara dan dijauhi daripada ilmu yang menyimpang daripada kebenaran.

Keyakinan merupakan aspek terpenting dalam perbincangan akidah yang bertujuan untuk mencapai kebenaran. Hal ini bermaksud bahawa ilmu yang mencapai tahap yakin sahaja boleh digunakan untuk menetapkan iktikad memandangkan akidah tidak menerima perkara yang bersifat syak dan waham.

apa-apa yang tidak diketahuinya.” (Surah al-‘Alaq 96:1-5).

Walau bagaimanapun, ideologi sekular didapati telah masuk dalam pemikiran umat Islam zaman ini melalui sekularisasi ilmu. Usaha pembaratan ini bertujuan untuk membebaskan atau memisahkan hubungan antara ilmu duniawi yang didominasi oleh Barat dengan Tuhan (Allah SWT) dan agama (Islam). Selain itu, hal tersebut turut berlaku dalam bentuk reduksionis, iaitu memecahkan atau menjuzukkan ilmu kepada skop yang kecil sehingga setiap ilmu dilihat secara terpisah dan saling bertentangan, hatta sesama ilmu Islam. Malah,

kesan daripada sekularisasi ilmu juga melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam hanya dalam ruang lingkup masjid atau hal tertentu seperti solat, kelahiran, kematian dan perkahwinan.

Dari sudut klasifikasi ilmu pula, para ulama Ahli Sunah Waljamaah membahagikannya kepada beberapa bahagian, antaranya yang paling utama termasuklah *al-daruri* dan *al-nazari* atau *al-badihi* dan *al-kasbi*. Pembahagian ini menjadi dominan dalam epistemologi Islam kerana mempunyai kaitan rapat dengan kedudukan dan kepentingan akidah yang merupakan tunjang dalam agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana akidah diiktiraf sebagai semulia-mulia dan setinggi-tinggi ilmu jika dibandingkan dengan ilmu yang lain. Menurut Abu Hanifah (m. 150H) dan lain-lain, mendalami ilmu akidah lebih mulia dan utama daripada ilmu yang lain, kerana tujuannya untuk mengenal dan beriman kepada Allah SWT.

Memandangkan kedudukan ilmu akidah paling tinggi dalam Islam, maka setiap aspek ilmu akidah telah dibahasakan oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah secara tuntas. Antara perkara yang dibahasakan termasuklah bahagian atau cabang iman mengikut hierarkinya. Paling terkenal ialah buku tulisan al-Halimi (m. 403H) bertajuk *al-Minhaj fi Shu‘ab al-Iman* yang memuatkan sebanyak 77 cabang iman, dan kemudiannya dihuraikan lagi perbahasannya secara panjang lebar oleh al-Baihaqi (m. 458H) melalui bukunya, *al-Jami‘ li Shu‘ab al-Iman*. Selepas itu, al-Qazwini (m. 699H)

meringkaskan dan merumuskan perbincangan 77 cabang iman itu menjadi sebuah buku kecil bertajuk *Mukhtasar Shu'ab al-Iman*.

Dalam karya-karya tersebut, enam rukun iman diletakkan pada kedudukan teratas dengan beriman kepada Allah SWT pada tingkatan yang pertama, disusuli dengan beriman kepada para rasul, beriman kepada para malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada qadq dan qadar dan beriman kepada hari kiamat. Kemudian dituruti dengan perkara lain sehingga yang terakhir, iaitu mencintai kebaikan dan membenci kejahatan sama ada untuk diri sendiri ataupun orang Islam yang lain, antaranya termasuklah membuang sesuatu yang menghalang atau mengganggu di jalan. Semua cabang iman yang dikemukakan ini selari dengan hadis yang menyatakan bahawa iman mempunyai lebih daripada 60 atau 70 cabang.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Iman mempunyai 70 lebih atau 60 lebih cabang. Paling utama ialah ungkapan 'tiada Tuhan melainkan Allah' dan paling rendah adalah dengan membuang sesuatu yang mengganggu di jalan; dan malu ialah satu daripada cabang iman." (Hadis riwayat Muslim).

Maka itu, al-Asy'ari menyatakan bahawa perkara pertama yang diwajibkan kepada setiap manusia ialah makrifatullah (mengenal Allah SWT) melalui pendalilan dan *al-nazar*, selari dengan kedudukan beriman kepada Allah SWT. Secara lebih terperinci, mengenal Allah SWT mesti berdasarkan keyakinan yang teguh (*al-jazm*), berbetulan

dengan hakikat sebenar dan disertai oleh dalil atau bukti. Keyakinan merupakan aspek terpenting dalam perbincangan akidah yang bertujuan untuk mencapai kebenaran. Hal ini bermaksud bahawa ilmu yang mencapai tahap yakin sahaja boleh digunakan untuk menetapkan iktikad memandangkan akidah tidak menerima perkara yang bersifat zan, apatah lagi syak dan waham.

Dalam konteks pada zaman ini, pengajian akidah ketuhanan (*al-ilahiyah*) adalah berasaskan metode Sifat 20 susunan al-Sanusi (m. 895H). Melalui bukunya, *Matan Umm al-Barahin*, al-Sanusi merumuskan 20 sifat wajib bagi Allah SWT yang mesti diketahui secara *tafsili* (terperinci) oleh setiap Muslim bagi mengenal Allah SWT. Berikut pembahagian Sifat 20; satu dalam sifat *nafsiyyah*, iaitu wujud, lima dalam sifat *salbiyyah* iaitu qidam, baqa, *mukhalafatuhu ta'ala li al-hawadith*, *qiyamuhu ta'ala bi nafsihi* dan *wahdaniah*, tujuh dalam sifat *ma'ani*, iaitu kudrat, iradat, 'ilm, *hayat*, *sama'*, *basar* dan kalam, dan tujuh dalam sifat *ma'nawiyah*, iaitu *kaunuhu ta'ala qadiran*, *muridan*, 'aliman, *hayyan*, *sami'an*, *basiran* dan *mutakalliman*.

Sekalipun metode Sifat 20 muncul sedikit lewat dalam wacana pengajian akidah Ahli Sunah Waljamaah, sebenarnya perbincangan tentangnya telah dibincangkan dalam karya-

karya al-Asy'ari dan para ulama salaf lain. Mereka mengisbatkan setiap sifat ini dengan menggunakan dalil naqli dan aqli, namun pada ketika itu belum lagi disusun secara sistematik dengan nama Sifat 20 sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Sanusi tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa Sifat 20 mempunyai sandaran yang jelas dan kukuh, sekali gus menolak dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa Sifat 20 merupakan bidaah dan sesat kerana dikatakan mengikut petunjuk falsafah Greek.

Yang pasti, pengajian akidah Sifat 20 merupakan satu daripada epistemologi yang sangat penting bagi umat Islam. Sejarah menunjukkan bahawa Sifat 20 telah berperanan membentuk pemikiran akidah yang mantap hingga kini walaupun masyarakat awam tidak mengenali dan mempelajari ilmu epistemologi Islam secara terperinci. Dalam konteks semasa, Sifat 20 juga berupaya mendepani pelbagai serangan pemikiran moden daripada Barat. Sifat wujud contohnya, boleh digunakan bagi menjawab penyelewengan golongan ateis yang membawa idea menolak kewujudan Tuhan. Disebabkan oleh hal itu, pengajian Sifat 20 perlu terus diperkukuh dalam kalangan generasi umat Islam pada setiap zaman. ⑤

Mutiara Hikmah

"Barang siapa yang menginginkan dunia, maka hendaklah dengan ilmu. Barang siapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu. Dan barang siapa yang menginginkan kedua-duanya (dunia dan akhirat), maka hendaklah juga dengan ilmu."

—
Imam al-Syafi